


BULETIN EKSA

Bilangan 1/2015

Edisi Januari-April

Hospital Sultan Haji Ahmad Shah



Kalam Editor

Assalamualaikum dan salam sejahtera buat semua warga HoSHAS. Syukur ke hadirat Ilahi dengan izin dan rahmatnya Buletin EKSA Bil 1/2015 dapat diterbitkan buat tatapan semua. Penerbitan Buletin EKSA kali ini memfokuskan sekitar aktiviti EKSA yang telah dijalankan sepanjang bulan Januari sehingga bulan April 2015.

Jawatankuasa Latihan EKSA adalah antara jawatankuasa yang aktif dalam menyebarkan pemahaman EKSA kepada warga kerja HOSHAS. Pelbagai aktiviti telah dirangka serta dijalankan di peringkat hospital kepada warga kerja. Antara aktiviti yang dijalankan adalah taklimat EKSA di Jabatan serta Unit, CME berkenaan EKSA semasa slot CME, Focus Training kepada ketua zon, taklimat EKSA kepada ketua Jabatan serta lawatan EKSA ke 5 zon terpilih. Adalah diharapkan semua warga kerja HoSHAS mendapat manfaat hasil daripada latihan ini. Tahniah dan syabas diucapkan kepada Jawatankuasa Latihan!!!

Fokus Audit EKSA bil 1/2015 telah dijalankan merangkumi 20 zon pada 9-20 Mac 2015. Fokus Audit EKSA pada kali ini adalah untuk menjalankan audit serta mengenalpasti kelemahan yang berlaku bagi mempersiapkan HoSHAS dalam menghadapi Audit dari MAMPU kelak. Peningkatan ketara telah berlaku di mana semua zon yang telah berjaya mencapai markah melebihi 75% iaitu 3 bintang dan ke atas. Tahniah dan pertingkatkan lagi prestasi anda.

Jawatankuasa promosi EKSA telah menjalankan pelbagai aktiviti dalam mempromosi EKSA kepada semua warga kerja HoSHAS. Pengumuman berkenaan EKSA melalui pembesar suara, penayangan slide EKSA sebelum CME serta mewujudkan board sudut EKSA HoSHAS di luar luar legar Auditorium dalam memberi maklumat EKSA kepada kakitangan hoshas.

Audit EKSA oleh MAMPU dijangka akan dijalankan pada bulan Ogos. Mari kita bersama berganding bahu dalam merealisasikan pensijilan EKSA oleh MAMPU itu satu kenyataan bukan lagi impian semata-mata. Sekian terima kasih.

::Noorulhuda binti Senawi::



Penaung:

Dato' Dr Haji Bahari bin Dato' Tok Muda Haji Awang Ngah

Penyelaras:

Pn Che Ton bt Saari

Ketua Editor:

Noorulhuda binti Senawi

Editor:

Asmida Fauzi
Bukhari Ismail
Radziah Yaacob
Rohaida Kamsiah
Haryanti Nazirah
Nornazila Abd Sani
Maimon Abd Wahab
Siti Rabiatal Adawiyah
Luqman Chong Abdullah

M/S	Dalam Edisi Ini:
02	Aktiviti Unit latihan
04	Keputusan Fokus Audit
07	Aktiviti Unit Promosi
08	Aktiviti akan datang

AKTIVITI UNIT LATIHAN

Unit Latihan EKSA terlibat secara aktif dalam memberi latihan kepada kakitangan HoSHAS dalam memberikan kefahaman serta pengetahuan dalam melaksanakan EKSA. Terdapat pelbagai aktiviti telah dijalankan antaranya taklimat EKSA kepada Jabatan, taklimat EKSA kepada kakitangan baru, Focus Training kepada ketua zon serta lawatan dalaman ke zon pilihan.

Terdapat 5 kali Taklimat EKSA telah diberi kepada kakitangan HoSHAS. Sesi taklimat EKSA oleh Jawatankuasa Latihan ini telah diberi kepada warga kerja Klinik Pakar, Kejururawatan, Jabatan Kecemasan dan Trauma, Rehabilitasi serta sesi CME kepada semua warga kerja HoSHAS. Seramai 883 orang kakitangan telah menghadiri taklimat yang dijalankan.



**JAB. KECEMASAN 26hb
FEBRUARI 2015**



**CNE KEJURURAWATAN
10hb FEBRUARI 2015**

Selain daripada itu terdapat juga taklimat EKSA diberi kepada kakitangan yang baru bertugas di HoSHAS. Sebanyak 2 sesi taklimat dijalankan pada 27/1/2015 dan 11/3/2015 dimana ianya dihadiri oleh seramai 77 orang kakitangan baru. Taklimat EKSA turut dijalankan kepada Pegawai Perubatan Siswazah dalam dalam memberikan kefahaman tentang EKSA. Seramai 14 orang orang telah terlibat di dalam taklimat ini yang telah dijalankan pada 3/3/2015.



CME 6hb MAC 2015



Taklimat EKSA bagi HO
3/3/2015



Taklimat EKSA bagi
kakitangan baru 27/1/2015

Focus Training kepada ketua zon telah dijalankan pada 4/3/15. Seramai 32 orang ketua zon telah menghadiri latihan ini. Focus Training ini memberi penekanan kepada kelemahan-kelemahan yang dilaporkan hasil dari audit yang telah dijalankan. Analisa pencapaian serta kelemahan –kelemahan yang telah dikenalpasti hasil dari audit yang lepas turut dibincangkan serta langkah penambahbaikan telah dikenal pasti untuk dijalankan di zon masing-masing.



Satu taklimat EKSA telah diberi kepada Ketua Jabatan HoSHAS dalam inisiatif memperkuatkan pemahaman berkenaan pelaksanaan EKSA di jabatan serta unit. Seramai 24 orang ketua jabatan telah menghadiri taklimat ini.

Selain daripada aktiviti taklimat, lawatan dalaman ke 5 zon EKSA yang terpilih telah dijalankan pada 9/4/15. Seramai 61 kakitangan daripada semua zon telah dipilih dalam membuat lawatan ke zon Jabatan Patologi, Jabatan Farmasi, Jabatan Forensik, Wad ICU serta Wad Kenanga 3 dan 4. Lawatan ini bertujuan untuk memberi latihan secara praktikal dalam melaksanakan EKSA di zon masing-masing kelak.



KEPUTUSAN

FOKUS AUDIT EKSA BIL 1/2015

Focus Audit EKSA Bil 1/2015 telah dijalankan pada 9 hingga 20 Mac 2015. Sebanyak 20 zon dari 32 zon telah diaudit oleh seramai 69 auditor yang telah dilantik. Jawatankuasa Audit masih mengekalkan sistem “Star Rating” dalam memberikan markah keseluruhan audit di zon yang terlibat. Jadual di bawah menunjukkan perbandingan “Star Rating” yang diperolehi oleh zon yang terlibat semasa Audit EKSA Bil 2/2014 serta Focus Audit EKSA Bil 1/2015

MARKAH	BINTANG	AUDIT EKSA BIL 2/2014		FOKUS AUDIT EKSA BIL 1/2015	
		BIL ZON	PERATUS	BIL ZON	PERATUS
>95%	5 BINTANG	0	0%	0	0
85-95%	4 BINTANG	1	5%	8	40%
75-85%	3 BINTANG	10	50%	12	60%
67-75%	2 BINTANG	6	30%	0	0%
55-65%	1 BINTANG	2	10%	0	0%
<55%	TIADA BINTANG	1	5%	0	0%

Dari jadual di atas dapatlah dibuat kesimpulan bahawa terdapat peningkatan yang mendadak dari 55% ke 100% zon yang mendapat 3 bintang dan ke atas. Tahniah kepada semua anggota zon yang memberi komitmen yang terbaik dalam menjayakan EKSA di zon masing-masing. Didapati juga semua zon telah berjaya mencapai 3 bintang dan ke atas di dalam Focus Audit Bil 1/2015 berbanding 45% sebelum ini.

Semasa Focus Audit Bil 1/2015 juga terdapat sebanyak 8 sticker Good Job telah diberikan kepada zon yang mengamalkan amalan EKSA yang cemerlang. Dua sticker Good Job telah berjaya diperolehi oleh Zon Hemodialisis, manakala satu sticker Good Job diperolehi oleh zon Kenanga 1&2, Melor 1&2, Klinik Pakar, Kenanga 11&12 serta zon Kenanga 14.



KEPUTUSAN FOKUS AUDIT EKSA BIL 1/2015



**Zon Kenanga 14- Bilik Utiliti Bersih
1 sticker Good Job**




**Zon Kenanga 11&12 – Bilik Utiliti Bersih
2 sticker Good Job**



**Zon Melor 1& 2-Bilik Utiliti Bersih-
1 sticker Good Job**



Zon Klinik Pakar-Klinik Paediatrik
1 sticker Good Job



Zon Kenanga 1 & 2 –Zon kitar semula dan peti kunci
1 sticker Good Job



Zon Hemodialisis –Zon Go Green dan Carta pergerakan kakitangan
2 sticker Good Job

Aktiviti Unit Promosi

Pelbagai aktiviti telah dijalankan oleh Jawatankuasa Promosi dalam rangka memberi pendedahan serta maklumat berkenaan EKSA kepada semua warga kerja Hoshas.

Pengumuman berkenaan EKSA melalui pembesar suara sebanyak 2 kali sehari iaitu pada pukul 10 pagi dan 3 petang telah dijalankan bermula 30 Januari 2015. Pengumuman berkenaan bertujuan untuk memberi pengenalan kepada EKSA serta mengajak warga kerja HoSHAS menjadikan EKSA sebagai amalan di tempat kerja masing-masing. Pengumuman ini telah dihentikan buat sementara waktu. Pengumuman ini akan kembali aktif untuk memberi peringatan kepada warga kerja HoSHAS menjelang audit EKSA oleh MAMPU kelak.

Selain dari pada itu, tayangan slide EKSA semasa slot CME hospital telah dijalankan sebelum CME. Promosi berterusan ini adalah untuk member sedikit input berkenaan EKSA kepada kakitangan yang hadir semasa sesi CME berlansung.

Board Sudut EKSA Hoshas telah dibuat dan dipamerkan di ruang legar auditorium untuk tatapan dan info warga hoshas.



Aktiviti akan datang

- Pertandingan Mencipta Lagu Korporat EKSA (dibuka kepada semua kakitangan hospital)
- Kuiz EKSA: 10 minit sebelum dan 10 minit selepas slot CME
Warga hoshas yang dapat menjawab soalan kuiz dalam masa yang ditetapkan akan dihadihkan dengan cenderahati yang menarik.
- Pertandingan Zon EKSA Terbaik 2015
- Audit EKSA Bil 2/2015
- Latihan EKSA di lokasi zon yang terpilih

Moh pakat LIKE page EKSA HOSHAS



facebook

SEIRI * SISIH
SEITON * SUSUN
SEISO * SAPU

EKSA Hospital Sultan Haji Ahmad Shah
Health/Medical/Pharmaceuticals

Timeline About Photos Likes Videos

PEOPLE >

132 likes

Hayati Sulaiman, Ummu Adam and 3 others like this.

Invite your friends to like EKSA Hospital Sultan Haji...

Izzat Bin Ismail

Husnaizzati Othman

EKSA Hospital Sultan Haji Ahmad Shah
April 9 · 🌐